

Kesan Pembelajaran Berasaskan Projek terhadap Kemahiran Menulis Karangan Murid Sekolah Rendah

(The Effects of Project-Based Learning on Essay Writing Skills among Primary School Students)

MONICA LAINA TONGE & ZAMRI MAHAMOD*

ABSTRAK

Kaedah pembelajaran berasaskan projek (PBP) dianggap sebagai salah satu amalan pengajaran yang berkesan yang boleh diterapkan dalam bidang kurikulum, namun kurang dipraktikkan kerana dibatasi faktor masa. Kajian tindakan ini bertujuan mengkaji kesan pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) ke atas penguasaan kemahiran penulisan serta minat terhadap pembelajaran penulisan dalam kalangan murid sekolah rendah. Empat orang murid Tahun Lima yang mempunyai masalah dalam penulisan dipilih sebagai peserta kajian secara bertujuan. Sesi tindakan telah dilakukan dalam tiga kitaran, dan penguasaan kemahiran penulisan murid dilihat berdasarkan ujian pencapaian penulisan, hasil lembaran kerja, dan hasil projek buku skrap. Minat murid terhadap pembelajaran telah diperhatikan dan dianalisis secara naratif. Dapatkan menunjukkan peningkatan dalam markah ujian pencapaian penulisan murid, penurunan dalam aspek masalah penulisan, serta penghasilan projek buku skrap yang menepati tugas dan kriteria penilaian. Dapatkan juga menunjukkan peningkatan minat murid dalam pembelajaran penulisan dalam beberapa aspek, iaitu: i) kebebasan meneroka kreativiti, ii) fokus dan rasa ingin tahu yang mendalam, dan iii) mengambil bahagian secara aktif. Kesimpulannya, aktiviti PBP dapat membantu meningkatkan pencapaian dan minat murid untuk belajar penulisan dalam Bahasa Melayu, terutamanya dalam kalangan murid yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka.

Kata kunci: Kemahiran menulis karangan, pembelajaran berasaskan projek, murid sekolah rendah

ABSTRACT

Project-based learning (PBP) methods are considered one of the most effective teaching practices that can be implemented in the curriculum but are less practiced due to time constraints. This action research aims to study the impact of the Project Based Learning (PBP) approach on mastery of writing skills as well as interest in learning writing among primary school students. Four Year Five students with writing problems were purposely selected as research participants. Action sessions were conducted in three cycles, and mastery of student writing skills was assessed based on writing achievement tests, worksheets, and scrapbook project results. Students' interest in learning has been observed and analyzed narratively. The findings indicate improvements in student writing achievement test scores, a decrease in the aspect of writing problems, and the production of scrapbook projects that meet assignments and assessment criteria. The findings also show increased student interest in writing learning in several aspects, namely: i) freedom to explore creativity, ii) deep focus and curiosity, and iii) active participation. In conclusion, the PBP activity can help increase student achievement and interest in learning to write in the Malay language, especially among students who learn the Malay language as their second language.

Keywords: Essay writing skills, project-based learning, primary school students

PENGENALAN

Kemahiran menulis di sekolah diajar dengan menggunakan pelbagai strategi, teknik dan pendekatan yang mengutamakan ciri-ciri pembelajaran aktif seperti menggunakan pendekatan pembelajaran bermain sambil belajar dan tugasan projek. Siti Zabidah (2006) menyatakan tujuan penggunaan kepelbagaiannya strategi dan pendekatan dalam pengajaran kemahiran menulis di sekolah

adalah untuk memastikan pengajaran kemahiran menulis tidak membosankan murid. Pembelajaran masa kini lebih bersifat kondusif, terbuka, interaktif, menarik dan berpusatkan murid (Zamri 2014). Guru tidak lagi berfungsi sebagai pensyarah, sebaliknya guru hanya memainkan peranan sebagai fasilitator atau pemudah cara pembelajaran di dalam kelas (Khair 2016).

Melalui pembelajaran aktif, murid-murid didedahkan dengan teknik dan strategi menulis yang

bukan hanya tertumpu kepada pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) secara formal. Salah satu teknik dan strategi yang boleh digunakan oleh guru adalah melalui penggunaan buku skrap. Buku skrap amat berkesan digunakan dalam membantu murid dalam meningkatkan kemahiran menulis. Pendedahan penggunaan buku skrap dalam aktiviti menulis karangan boleh membantumurid mengembangkan daya kreativiti murid. Untuk tujuan tersebut, guru boleh melaksanakan PdPc secara tidak formal seperti penggunaan aktiviti, iaitu menggunakan buku skrap. Irwan Hidayat (2018) menyatakan tugasan buku skrap yang dihasilkan dapat membantu murid mengumpul dan menganalisis data atau maklumat yang diperoleh daripada pelbagai sumber seperti Internet, buku, majalah atau surat khabar. Oleh yang demikian, buku skrap merupakan proses yang dapat membantu murid dalam menjana idea semasa proses penulisan (Yahya 2005).

Pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu mencakupi aspek pemahaman, tatabahasa dan menulis karangan. Dalam sistem Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), kemahiran menulis karangan amat ditekankan kerana ia merupakan bahagian kertas Bahasa Melayu yang wajib dijawab oleh murid dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Zamri (2014) mengatakan bahawa menulis karangan merupakan satu aspek yang penting kerana ia adalah sebahagian besar aktiviti semasa belajar. Penguasaan menulis karangan amat penting bagi setiap individu supaya dapat dijadikan alat untuk menghasilkan tindak balas sebagai hasil sesuatu pembelajaran (Juriah 2010). Namun terdapat kekangan tertentu yang dihadapi oleh murid yang bukan penutur jati Bahasa Melayu. Perkara ini adalah disebabkan oleh iklim yang tidak menggalakkan penggunaan Bahasa Melayu dalam kehidupan mereka dan pelbagai halangan dari aspek pendedahan (Ilangko et al. 2014).

Pencapaian murid dalam kemahiran menulis karangan lemah kerana tidak menguasai topik karangan (Abdul Rasid et al. 2011). Punca utama yang menyebabkan murid tidak boleh menulis karangan dengan baik adalah disebabkan murid tersebut tidak menguasai atau tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam terhadap topik yang dipelajari (Ilangko et al. 2014). Antara kelemahan murid dalam kemahiran menulis karangan adalah disebabkan mereka tidak menguasai dan tidak memahami isi kandungan sesuatu topik menyebabkan kualiti PdPc menurun serta tidak mencapai objektif pembelajaran (Abdul Rasid et al. 2011). Che Zanariah dan Fadzillah (2011) menyatakan kelemahan penguasaan bahasa yang dihadapi oleh murid menyebabkan murid belum mahir dalam membina ayat-ayat yang lengkap serta tidak mempunyai pengetahuan yang luas tentang sesuatu topik yang

dipelajari sekaligus menyebabkan mereka lemah dalam kemahiran mengarang.

Selain itu, masalah yang dihadapi oleh kebanyakan murid adalah tidak memahami bahan rangsangan, murid yang hanya menyalin soalan sahaja semasa latihan atau ujian dan murid-murid juga tidak memahami kehendak soalan dalam penulisan karangan. Sulaiman et al. (2006) dalam kajiannya menyatakan murid-murid tidak membuat perancangan untuk menulis karangan di mana murid terus menulis dan mengarang tanpa ada perenggan pengenalan, perenggan isi dan perenggan penutup. Hal ini menyebabkan guru bahasa kerap menghadapi masalah dalam pengajaran Bahasa Melayu kerana murid-murid agak sukar untuk memahami penulisan Bahasa Melayu (Chellamal 2015). Masalah penguasaan bahasa yang dihadapi oleh murid menyebabkan murid belum mahir dalam membina ayat-ayat yang lengkap. Kegagalan ini menyebabkan mereka lemah dalam kemahiran mengarang (Roselan 2011).

Isu pelaksanaan penulisan berdasarkan tugas projek banyak dibatasi oleh faktor masa (Yahya et al. 2014). Hal ini disebabkan kebanyakan guru menghadapi masalah kekangan masa dalam melaksanakan pembelajaran yang berkaitan dengan kaedah projek jika dilaksanakan di dalam bilik darjah. Oleh itu, kebanyakan tugas yang berkaitan dengan projek kurang dijalankan dalam proses PdPc di dalam bilik darjah. Kebanyakan murid menyiapkan tugas projek di rumah. Guru sukar untuk memastikan sama ada ibu bapa atau murid sendiri yang menghasilkan projek atau tugas yang diberikan. Oleh itu, mekanisme penilaian tugas projek perlu disediakan bagi memastikan wujudnya kesahan dalam penilaian (France 2008).

Kaedah pembelajaran berdasarkan projek (PBP) dianggap sebagai salah satu amalan baik yang boleh diterapkan dalam bidang kurikulum negara. Kajian-kajian lepas menunjukkan PBP dalam pendidikan Bahasa Melayu banyak dijalankan ke atas murid sekolah menengah dan murid di institusi pengajian tinggi di dalam negara (Sharifah Faizah & Sharifah Nor 2011; Syakirah 2011; Alizah 2015). Namun demikian, sampel kajian yang terdiri daripada murid sekolah rendah terutamanya murid di kawasan pedalaman jarang dikaji bagi tujuan PBP penulisan karangan Bahasa Melayu. Oleh yang demikian, PBP adalah sesuai didedahkan kepada murid untuk memberikan peluang kepada mereka agar dapat belajar mendalam isi kandungan pengetahuan dalam proses PdPc yang dijalankan.

Kajian tindakan ini bertujuan untuk mengkaji kesan penggunaan aktiviti PBP dalam membantu murid sekolah rendah menguasai kemahiran menulis karangan. Kajian yang dijalankan di sebuah sekolah kebangsaan di pedalaman Sarawak ini secara khusus adalah bertujuan untuk:

1. Mengenalpasti kesan pendekatan PBP ke atas penguasaan kemahiran penulisan karangan murid berdasarkan ujian pencapaian, hasil lembaran kerja, serta hasil kerja projek buku skrap
2. Mengenalpasti kesan pendekatan PBP ke atas minat murid dalam pembelajaran penulisan karangan

METODOLOGI

REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian yang dilaksanakan adalah kajian tindakan. Dalam bidang pendidikan, kajian tindakan adalah kajian yang dilaksanakan untuk menyelesaikan masalah yang dikenal pasti dengan tujuan menambahbaik amalan dan menggalakkan para guru membuat refleksi diri terhadap tindakan harian mereka (Stringer 2008). Kitaran kajian tindakan yang boleh diulang memberi peluang kepada pengkaji untuk meneroka aktiviti PdPc yang baharu dan lebih praktikal dalam konteks tindakan kelas yang sebenar. Oleh yang demikian, kaedah kajian tindakan Kemmis dan McTaggart (1988) dipilih dalam pelaksanaan kajian ini bagi membantu meningkatkan pencapaian peserta kajian iaitu murid-murid dalam penulisan karangan menggunakan aktiviti PBP.

PESERTA KAJIAN

Pelaksanaan kajian tindakan ini menjurus ke arah individu yang mengalami masalah dalam menulis karangan. Oleh itu, pemilihan peserta kajian ini adalah secara bertujuan; di mana murid-murid yang mempunyai masalah dalam menulis karangan dipilih sebagai peserta. Pemilihan peserta kajian menggunakan ujian pencapaian awal terhadap murid Tahun Lima di sebuah sekolah kebangsaan di daerah Kapit, Sarawak. Ujian pencapaian tersebut telah dijalankan sebanyak tiga kali supaya dapat mengenalpasti dengan lebih jelas murid yang mempunyai masalah yang konsisten dalam menulis karangan.

Daripada ujian-ujian tersebut, seramai empat orang murid Tahun Lima (dua lelaki dan dua perempuan) dipilih sebagai peserta kajian kerana mereka mempunyai masalah yang amat ketara dalam kemahiran menulis karangan. Antara masalah yang dikenal pasti termasuklah tidak menjawab tugas, tidak menulis pendahuluan, tidak menulis isi utama, tidak menghuraikan isi utama, tidak mengolah isi serta contoh, tidak menulis kesimpulan, tidak menggunakan perenggan, tidak menggunakan bahasa dengan betul dan tidak menulis karangan dengan jumlah perkataan yang cukup. Majoriti murid Tahun

Lima ini adalah daripada etnik Iban, di mana status Bahasa Melayu adalah Bahasa kedua mereka.

KAEDAH PENGUMPULAN DAN ANALISIS DATA

Othman (2011) mengatakan bahawa selepas fokus kajian dan soalan kajian dikenal pasti, terdapat dua set data yang perlu dikumpul. Antara data yang perlu dikumpul adalah data untuk membolehkan pengkaji menjawab soalan yang dikemukakan serta data untuk menentukan kesan amalan yang telah berubah. Dalam kajian ini, data dikumpul melalui ujian pencapaian penulisan karangan, dokumen lembaran kerja murid, dokumen buku skrap murid, serta pemerhatian. Data-data daripada dokumen-dokumen tersebut telah dianalisis menggunakan kaedah analisis dokumen dan data pemerhatian dianalisis secara naratif.

Ujian pencapaian penulisan karangan telah digunakan untuk mengenalpasti kesan dan keberkesanan sesi tindakan PBP ke atas penguasaan kemahiran menulis karangan dalam kalangan murid. Ujian pencapaian diberikan sebanyak dua kali, iaitu sebelum dan selepas sesi tindakan dilakukan. Soalan ujian awal dibina berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Sekolah Rendah, buku teks Bahasa Melayu, pelbagai buku rujukan, serta merujuk format Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) Bahasa Melayu. Tema Kesihatan dan Kebersihan yang terkandung dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 5 dipilih sebagai tajuk fokus, iaitu berkaitan Penjagaan Kesihatan Diri, Kebersihan Diri dan Tempat Tinggal serta Penjagaan Alam Sekitar. Masa selama 35 minit ditetapkan untuk peserta kajian menjalankan ujian awal ini. Sepanjang pelaksanaan ujian awal ini, tiada bimbingan diberikan. Ujian akhir pula dilaksanakan selepas tiga kali sesi tindakan dilaksanakan. Item ujian akhir adalah sama dengan item yang terdapat dalam Ujian Awal Pencapaian. Hal ini bagi membolehkan perbandingan peningkatan prestasi dan pencapaian murid dalam kemahiran menulis karangan. Analisis data ujian dilaksanakan bagi melihat perubahan prestasi murid sebelum dan selepas sesi tindakan dijalankan.

Lembaran kerja merupakan tugas penulisan yang telah diberikan kepada murid pada setiap sesi pelaksanaan PBP. Perkembangan pencapaian murid dalam kemahiran penulisan karangan dapat dikenalpasti melalui hasil penulisan dalam lembaran kerja tersebut dalam setiap sesi tindakan yang dijalankan. Setiap lembaran kerja disemak dan direkodkan dalam senarai semak masalah penulisan karangan murid. Semakan lembaran kerja ini telah dibantu oleh guru Bahasa Melayu yang berpengalaman agar hasil dapatan yang disemak lebih tepat. Rajah 1 menunjukkan contoh hasil lembaran kerja peserta kajian.

Tugasan buku skrap dalam topik Kesihatan dan Kebersihan juga diberikan kepada peserta kajian untuk melihat penguasaan mereka dalam topik tersebut serta kebolehan mereka memberikan maklumat yang betul dan tepat dalam buku skrap mereka. Tugasan buku skrap merupakan tugas berkumpulan yang dihasilkan secara kerjasama mengikut kreativiti setiap ahli kumpulan. Penilaian dibuat berdasarkan ketepatan maklumat isi utama, huraian berserta contoh berkaitan topik, kekemasan dan daya kreativiti murid dalam menghasilkan buku skrap. Sesi pembentangan dan soal jawab semasa perbentangan juga dijalankan agar guru dapat mengetahui pemahaman murid tentang apa yang dibentangkan.

Selain itu, kaedah pemerhatian ke atas tingkah laku murid juga telah dilakukan untuk mengenalpasti kesan pendekatan PBP ke atas minat murid dalam pembelajaran penulisan karangan. Data pemerhatian telah direkodkan dan dianalisis secara naratif.

Kesihatan diri amat penting dalam hidup kita. Ada banyak cara-cara untuk menjaga kebersihan diri.

Kita patutlah menjaga kebersihan diri supaya seniasa selamat dalam hidup kita. Oleh itu kita hendaklah menggosok gigi.

Selain itu kita patutlah mandi setiap hari supaya tubuh badan kita sejomot.

Kita hendaklah membasuh tangan supaya tidak berkuman.

Kita patutlah bersabun ketika mandi dan tidak berkuanan. Gosok gigi dan mengemas teluk tidak supaya kita selera untuk tidur.

Menjaga kebersihan diri amat penting dalam hidup kita.

RAJAH 1. Contoh lembaran kerja karangan murid dalam Ujian Awal Pencapaian

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

KESAN PENDEKATAN PBP KE ATAS KEMAHIRAN PENULISAN KARANGAN MURID

Analisis Ujian Pencapaian Penulisan Karangan

Jadual 1 menunjukkan markah ujian pencapaian penulisan karangan murid. Dapatkan menunjukkan perbezaan yang ketara terhadap peratus markah pencapaian murid dalam Ujian Awal Pencapaian dan Ujian Akhir Pencapaian, dengan majoriti murid menunjukkan peningkatan sekali ganda dari markah asal. Abdul Rasid et al. (2011) menegaskan bahawa peningkatan sepuluh peratus dalam ujian pra dan ujian

pos markah akademik adalah penting bagi menunjukkan peningkatan melebihi standard yang ditetapkan. Hal ini menunjukkan murid-murid semakin menguasai topik pelajaran, bahkan dapat meningkatkan kemahiran menulis karangan mereka. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan aktiviti PBP dalam kajian ini memberi kesan yang positif dalam penguasaan kemahiran penulisan karangan murid.

Analisis Hasil Lembaran Kerja Murid

Jadual 2 menunjukkan markah penulisan karangan dalam lembaran kerja dalam setiap sesi tindakan yang dijalankan. Dapatkan menunjukkan keempat-empat peserta kajian mencatatkan peningkatan dalam aspek menulis karangan selepas pelaksanaan PBP. Peningkatan ditunjukkan dalam gelung latihan yang pertama hingga gelung latihan yang ketiga.

Peningkatan kemahiran penulisan murid dibuktikan dengan pengurangan aspek masalah penulisan karangan dalam hasil penulisan dalam lembaran kerja murid bagi setiap latihan yang dibuat selepas PBP dilaksanakan. Dapatkan dalam Jadual 3 menunjukkan murid-murid telah berjaya menunjukkan pengurangan dalam sembilan aspek masalah penulisan karangan pada setiap sesi.

Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan pencapaian murid dalam penulisan karangan setelah pelaksanaan pendekatan PBP dalam setiap sesi. Hal ini jelas menunjukkan keempat-empat peserta kajian dapat menguasai topik karangan dengan baik selepas pelaksanaan sesi tindakan.

Analisis Hasil Kerja Projek Buku Skrap Murid

Jadual 4 menunjukkan penilaian hasil kerja projek buku skrap murid. Dapatkan menunjukkan semua buku skrap yang dihasilkan oleh peserta kajian menepati tugas dan kriteria penilaian yang ditetapkan. Peserta kajian dapat menyampaikan isi atau idea utama dengan baik, jelas, tersusun dan menarik. Selain itu, setiap isi utama yang dikemukakan disokong oleh huraian dan contoh yang bersesuaian. Penghasilan buku skrap dalam pelbagai bentuk yang ringkas dan mudah difahami oleh murid membantu mereka untuk menguasai isi kandungan dalam topik ini dengan baik.

Jadual 5 dan 6 menunjukkan salah satu contoh perbezaan hasil kerja projek buku skrap murid sebelum dan selepas sesi tindakan aktiviti PBP dalam penulisan karangan murid.

Berdasarkan dapatan, dapat dilihat bahawa pendekatan PBP memberi kesan positif dalam meningkatkan penguasaan kemahiran menulis karangan dalam kalangan murid. Terdapat peningkatan dalam jumlah murid yang mendapat markah yang cemerlang dalam penulisan karangan

dalam ujian akhir berbanding ujian awal. Hal ini menunjukkan pendekatan PBP yang dilaksanakan telah dapat meningkatkan kualiti pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu khususnya penulisan karangan berdasarkan kriteria pemarkahan penulisan karangan yang telah diselaraskan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Pendekatan PBP telah memberi peluang kepada murid untuk mempelajari, melukis, mewarna dan menerang maklumat berkaitan topik yang dipilih secara aktif. Dapatan ini diperkuuhkan lagi oleh Alizah dan Zamri (2019) yang menyatakan bahawa pembelajaran aktif ialah satu kaedah PdPc yang dapat meningkatkan pencapaian akademik murid. Pembelajaran aktif

menggalakkan murid beralih daripada menghafal kepada memahami pembelajaran itu sendiri serta beralih daripada konvensional kepada penilaian autentik seperti portfolio, projek, laporan atau pembentangan murid (Alizah & Zamri 2019). Kualiti pencapaian murid dalam kajian ini adalah selari dengan sebuah kajian PBP iaitu “*Penghasilan Buku Angkasa*” yang dilaksanakan oleh Gultekin (2005) ang mendapat peningkatan dalam penguasaan murid setelah menjalankan projek. Dapatan ini juga disokong oleh kajian tindakan yang dilaksanakan oleh Zahara dan Suzela (2011) yang menegaskan kajian yang dilaksanakan boleh memperkuat dan menyimpulkan teori dan dapatan kajian lepas.

JADUAL 1. Markah Ujian Awal dan Ujian Akhir Pencapaian

Peserta Kajian	A				B				C				D			
Soalan	S1	S2	S3	S1	S2	S3	S1									
Markah Ujian Awal (25%)	12	10	10	10	10	10	8	9	8	7	6	7				
Markah Ujian Akhir (25%)	22	22	22	23	23	22	18	19	19	19	19	18				
Perubahan	+11	+12	+12	+13	+13	+12	+10	+10	+11	+12	+13	+11				

JADUAL 2. Markah lembaran kerja murid

Lembaran Kerja 1 (Sesi Tindakan 1)

Peserta Kajian	A				B				C				D			
Soalan	S1	S2	S3	S1												
Sebelum Pelaksanaan Aktiviti PBP	10	9	10	8	9	10	8	7	8	5	6	7				
Selepas Pelaksanaan Aktiviti PBP	15	14	15	14	14	15	12	12	12	10	12	12				

Lembaran Kerja 2 (Sesi Tindakan 2)

Peserta Kajian	A				B				C				D			
Soalan	S1	S2	S3	S1												
Sebelum Pelaksanaan Aktiviti PBP	12	12	10	10	10	10	9	9	8	8	9	8				
Selepas Pelaksanaan Aktiviti PBP	15	15	16	15	16	16	12	13	12	13	13	13				

Lembaran Kerja 3 (Sesi Tindakan 3)

Peserta Kajian	A				B				C				D			
Soalan	S1	S2	S3	S1												
Sebelum Pelaksanaan Aktiviti PBP	13	12	12	12	12	10	10	10	9	9	10	9				
Selepas Pelaksanaan Aktiviti PBP	19	19	19	18	18	18	16	18	18	15	15	16				

JADUAL 3. Senarai semak masalah penulisan karangan selepas pelaksanaan Projek Buku Skrap

Peserta Kajian Masalah Penulisan Karangan	A			B			C			D		
	Latihan Karangan K1	K2	K3									
Menjawab tugas	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Pendahuluan karangan	0	0	0	0	0	0	1	0	0	1	0	0
Idea utama atau isi pokok	1	0	0	1	0	0	1	0	0	1	0	0
Huraian idea karangan	1	0	0	1	0	0	1	1	0	1	1	0
Olahan isi dan contoh	0	0	0	0	0	0	1	1	0	1	1	0
Kesimpulan karangan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Pemerengganan karangan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Kesalahan bahasa	1	1	0	1	1	0	1	1	0	1	1	1
Jumlah perkataan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah Aspek Masalah												
Penulisan Karangan dalam Sesi Tindakan 1-3	3	1	0	3	1	0	5	3	0	5	3	1
Catatan	Ada Peningkatan											

Petunjuk:

1 = Terdapat aspek masalah dalam penulisan karangan

0 = Tidak terdapat aspek masalah dalam penulisan karangan

JADUAL 4. Senarai semak hasil kerja projek buku skrap murid

Projek Buku Skrap	Menepati Tugasan	Mempunyai Isi Utama yang Mencukupi	Isi Utama Dihurai dengan Baik berserta Contoh	Penghasilan Buku Skrap yang Kreatif
1. Buku Skrap Penjagaan Kesihatan Diri	√	√	√	√
2. Buku Skrap Penjagaan Kebersihan Diri dan Tempat Tinggal	√	√	√	√
3. Buku Skrap Penjagaan Alam Sekitar	√	√	√	√

JADUAL 5. Contoh kemahiran menulis karangan seorang murid sebelum intervensi

Karangan yang ditulis	Catatan	Jenis Kelemahan	Kategori
<p>Rita mestalah membaca buku yang berlatar senarai mungkin cerdas tidak dapat membaca Selain itu, kita boleh sentiasa membaca namun dengan menggunakan buku mungkin.</p> <p>Di samping itu, kita haruslah mempunyai kewaspadaan sendiri supaya kita sentiasa tidak mengambil membaca sampai ke dalam buku. Selain itu, kita juga boleh jimatkan perangkap.</p> <p>Kita perlu lah membaca maklumat buku dan mencatatnya. Selain itu, kita juga boleh mengambil maklumat dari buku.</p> <p>membeli maklumat supaya kita tidak keburuan mengira.</p> <p>Selarasnya kita hendaklah sentiasa berlogik, logoritik diri. Supaya kebersihan diri sentiasa terjaga. Kebersihan diri sangat penting dalam kehidupan sehari-hari.</p> <p>Kesimpulannya, selangkah seorang murid kita hendaklah sentiasa mencuci dan pergi jauh kebersihan diri. Oleh itu, kita haruslah mengambil sikap peringkat kebersihan diri. setiap masing.</p>	<p>Karangan peserta A berada pada tahap kurang memuaskan</p> <ul style="list-style-type: none"> • kurang menepati tugas • isi utama kurang tepat • isi huraian kurang tepat • penggunaan bahasa kurang tepat • tidak menulis pendahuluan • tidak menghuraikan isi utama • tidak mengolah isi serta contoh • tidak menulis kesimpulan 	<ul style="list-style-type: none"> • Kesilapan peserta • Tidak menulis karangan 	

JADUAL 6. Contoh kemahiran menulis karangan seorang murid selepas intervensi

Karangan yang ditulis	Catatan	Kod	Kategori
<p>Kehershan diri amat penting untuk kesihatan kita. Orang yang bersih akan sentiasa sihat dan disukai orang. Terdapat pelbagai kepentingan menjaga kebersihan diri.</p> <p>Antaranya ialah, mengelotkan diri kita dijagkiti penyakit, kita mendekat mandi setiap hari supaya badan kita bersih dan tidak dijangkiti penyakit.</p> <p>Selain itu, supaya gigi cedera sehat kita mestilah gesek gigi tiga kali sehari atau selepas makan. Jadi supaya gigi kita bersih dan tidak rosak.</p> <p>Dicanting tu, supaya rambut kita bersih dan wangi. Kita haruslah mencuci rambut menggunakan syampu agar rambut kita bersih dan tidak dijungkiti kutu.</p> <p>Kesimpulannya, menjaga kebersihan diri sangat penting dalam hidup kita. Oleh tu, harinkel kita sama-sama menjaga kebersihan diri.</p>	<p>Karangan peserta A berada pada tahap baik</p> <ul style="list-style-type: none"> menjawab tugas tahu menulis pendahuluan tahu menulis isi utama tahu menghuraui isi utama tahu mengolah isi serta contoh tahu menulis kesimpulan tahu menggunakan bahasa dengan betul tahu menulis karangan dengan jumlah perkataan yang cukup 		Peningkatan pembelajaran n peserta

KESAN PENDEKATAN PBP KE ATAS MINAT MURID DALAM PEMBELAJARAN PENULISAN KARANGAN

Melalui pemerhatian, kajian mendapati bahawa terdapat peningkatan minat murid terhadap penulisan dalam Bahasa Melayu apabila pendekatan PBP dilaksanakan. Peningkatan minat murid telah diperhatikan dalam beberapa aspek, iaitu: i) kebebasan meneroka kreativiti, ii) fokus dan rasa ingin tahu yang mendalam, dan iii) mengambil bahagian secara aktif.

Aktiviti PBP yang dijalankan telah meningkatkan minat murid dalam pembelajaran penulisan karangan apabila mereka bebas untuk meneroka kreativiti masing-masing dalam membuat Buku Skrap. Murid-murid diperhatikan seronok melukis dan mewarna gambar, menggunting dan memilih maklumat yang berkaitan dengan topik serta membuat peta minda berkaitan topik dalam buku skrap. Murid juga telah menyatakan bahawa mereka lebih suka dan berminat untuk menghasilkan Buku Skrap daripada pengajaran biasa kerana bagi mereka membuat Buku Skrap lebih menarik, lebih mudah dibuat, lebih faham tentang topik yang dipelajari dan pelbagai aktiviti boleh dihasilkan. Ini bertepatan dengan Teori Konstruktivisme (Vygotsky 1962) yang menyatakan bahawa penghasilan produk atau model pada akhir pembelajaran akan membuktikan bahawa murid telah

mempelajari sesuatu ilmu mengikut kefahaman mereka sendiri.

Dapatkan juga menunjukkan murid lebih berfokus, bermotivasi serta sentiasa didorong dengan sifat ingin tahu apabila mengikuti sesi tindakan aktiviti PBP. Data pemerhatian menunjukkan murid berusaha untuk memahami arahan dan langkah-langkah dalam melakukan projek buku skrap berkaitan topik Kesihatan dan Kebersihan. Hal ini demikian mungkin kerana mereka berasa untuk menghasilkan sebuah projek, semua arahan perlu difahami sepenuhnya. Ini bertepatan dengan dapatan Mohd Razak dan Masitah (2016) serta Bell (2010) yang mendapati murid dapat memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pelajaran apabila pendekatan PBP dipraktikkan.

Tambahan lagi, dapatan juga menunjukkan murid mengambil bahagian dalam sesi tindakan aktiviti PBP secara aktif. Murid juga menunjukkan kerjasama yang baik terhadap pengajaran guru. Murid juga didapati bersaing secara positif untuk mengenal pasti perkataan yang tersembunyi dalam urutan huruf yang panjang, serta bersemangat untuk menguasai perkataan baharu dan mereka sentiasa menunggu masa untuk mengambil bahagian dalam aktiviti ini. Hal ini adalah kerana mereka berpeluang menguasai kosa kata baharu melalui projek yang dijalankan. Dapatkan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Ilango et al. (2014) di mana beliau mendapati aktiviti

PBP yang dijalankan telah meningkatkan penglibatan murid dalam pembelajaran dan murid menunjukkan minat yang tinggi kepada tugas projek kerana aktiviti yang dijalankan sangat menyeronokkan dan menguji kemahiran berfikir untuk mengenal pasti perkataan.

KESIMPULAN

Kajian tindakan ini telah membincangkan kesan pelaksanaan pendekatan pembelajaran berasaskan projek (PBP) ke atas penguasaan kemahiran penulisan murid serta minat murid dalam pembelajaran penulisan. Dapatkan menunjukkan peningkatan dalam markah ujian pencapaian penulisan murid, penurunan dalam aspek masalah penulisan, serta penghasilan projek buku skrap yang menepati tugas dan kriteria penilaian. Dapatkan juga menunjukkan peningkatan minat murid dalam pembelajaran penulisan dalam beberapa aspek, iaitu: i) kebebasan meneroka kreativiti, ii) fokus dan rasa ingin tahu yang mendalam, dan iii) mengambil bahagian secara aktif. Kesimpulannya, pendekatan PBP memberikan peluang kepada murid untuk melakukan pelbagai aktiviti yang menarik, interaktif dan menyeronokkan yang dapat meningkatkan kemahiran bahasa murid dan minat terhadap pembelajaran melalui inovasi dalam pembelajaran. Implikasinya, dalam proses pengajaran Bahasa Melayu khususnya, pemilihan aktiviti dan strategi yang sesuai mampu menjamin kelancaran serta keberkesanan penyampaian sesuatu ilmu. Perancangan aktiviti PBP yang menekankan pembelajaran berpusatkan murid haruslah mengambil kira faktor-faktor yang ada supaya aktiviti pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar dan berkesan.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman & Norzila Md. Yusof. 2011. Keberkesaan cerpen dalam mempertingkatkan prestasi penulisan karangan bahasa Melayu dalam kalangan murid. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (2): 45-57.
- Abdul Rasid Jamian. 2011. Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 1-12.
- Alizah Lambri & Zamri Mahamod. 2019. *Pembelajaran berpusatkan pelajar*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alizah Lambri. 2015. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan murid dalam kursus Bahasa Melayu di sebuah IPTA. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bell, S. 2010. Project-based learning for the 21st century: Skills for the future, the clearing house. *Journal of Educational Strategies, Issues and Ideas*, 83 (2): 39-43.
- Chellamal Bagavathy. 2005. Mengatasi kelemahan murid menguasai aspek tatabahasa dalam Bahasa Melayu melalui cara permainan bahasa. Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan IPBA 2005.
- Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd. Rahman. 2011. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 67-87.
- France Cheong. 2008. Using a problem-based learning approach to teach an intelligent systems course. *Journal of InformationTechnology Education*, 7: 47-60.
- Ilangko Subramaniam, Noorulafiza Abdul Mutalib& Siti Nor Hamiza Zainal. 2014. Penggunaan bahas aibunda dalam pengajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid peribumi di sekolah pedalaman Sarawak. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4 (1): 65-74.
- Ilangko Subramaniam. 2014. Kesan pendekatan penyebatian kemahiran berfikir kreatif dalam pengajaran karangan deskriptif dan karangan imaginatif dalam kalangan murid tingkatan IV. Tesis Doktor Falsafah. Pusat Pengajian dan Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.
- Irwan Hidayat. 2018. Imbasan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. *Pendidik*, 1: 14-18
- Juriah Long. 2010. *Kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu*. (Pnyt.). Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kemmis, S. & McTaggart, R. 1988. *The action research planner*. Victoria, Australia: Deakin University Press.
- Khair Mohamad Yusof. 2016. Pendidikan abad ke-21: Bukan sekadar gajet semata-mata. *Pendidik*, 11: 8-14.
- Mohd Razak Mohd Nordin & Masitah Ahmad. 2016. Penggunaan teknik permainan bahasa dan main peranan dalam kalangan murid Orang Asli: Satu tinjauan. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 11: 161-174.
- Othman Lebar. 2011. *Kajian tindakan dalam pendidikan: Teori dan amalan*. Tanjung Malim: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Roselan Baki. 2011. *Pengajaran dan pembelajaran penulisan bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Sharifah Faizah Syed Husin & Sharifah Nor Puteh. 2011. Pembelajaran berdasarkan masalah dalam pendidikan teknikal. Dlm. Zamri Mahamod, Jamalullail Abdul Wahab & Mohammed Sani Ibrahim (Pnyt.). *Transformasi dan inovasi dalam pendidikan*. Bangi: Penerbitan Fakulti pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Zabidah Mohamed. 2006. Kesan pendekatan penyebatian kemahiran berfikir kreatif dalam pengajaran karangan deskriptif dan karangan imaginatif dalam kalangan murid tingkatan IV. Tesis Doktor Falsafah. Pusat Pengajian dan Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.
- Sulaiman Masri, Abdullah Yusof & Mohd Ra'in Shaari. 2006. *Siri pengajaran dan pendidikan utusan Bahasa Melayu: Dimensi pengajaran dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Stringer, E. T. 2008. *Action research in education*. Upper Saddle River, NJ: Pearson Prentice Hall.

- Syakirah Shamsudin. 2011. Pembelajaran berasaskan masalah. DlmNurulhuda Abdul Rahman. *Strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Selangor: Pearson (M) Sdn. Bhd.
- Tseng, K. H., Chang, C. C., Lou, S. J., & Chen, W. P. 2013. Attitudes towards science, technology, engineering and mathematics (STEM) in a project-based learning (PjBL) environment. *International Journal of Technology and Design Education*, 23(1), 87-102.
- Vygotsky, L. S. 1962. 1962: Thought and language. Cambridge, Massachusetts: MIT Press.
- Yahya Othman. 2005. *Trend dalam pengajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTSProfessional Publishing Sdn.Bhd.
- Yahya Othman & Dk. Suzanawaty Pg. Othman. 2014. Keupayaan menguasai kemahiran menulis melalui pembelajaran berasaskan Projek Nilam dalam penulisan berbentuk risalah di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4 (1):30-40.
- Zamri Mahamod. 2014. *Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Cetakan Ketiga. Tanjung Malim: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Monica Laina Tonge
 Sekolah Kebangsaan Lubok Baya
 Kapit, Sarawak.
 Emel: monicalaina.ml@gmail.com

Zamri Mahamod*
 Fakulti Pendidikan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 E-mel: d-zam@ukm.edu.my

*Pengarang untuk surat-menjurat, emel: d-zam@ukm.edu.my

Dihantar: 13 Februari 2019

Dinilai: 29 August 2019

Diterima: 12 Februari 2020

Diterbitkan: 31 Mei 2020